

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### Ekonomi Madani beri manfaat besar – Khazanah

## Ekonomi Madani beri manfaat besar – Khazanah

**SHAH ALAM** - Ekonomi Madani yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bakal memberi manfaat terhadap masa depan negara terutamanya ketika berada dalam ketidaktentuan global, inflasi, perubahan iklim dan risiko geopolitik.

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dalam satu kenyataan memaklumkan, syarikat itu menyokong visi berkenaan dan berhasrat untuk turut sama merealisasikannya seiring dengan strategi Memajukan Malaysia yang diusahakan oleh mereka.

Menurutnya, strategi tersebut juga menumpukan terhadap peningkatan kualiti hidup rakyat, transformasi ekonomi serta peningkatan daya saing negara.

"Kami juga telah mengambil langkah penting dalam memacu daya saing ekonomi dan daya tahan negara dengan memperuntukkan RM6 bilion bagi tempoh lima tahun Inisiatif Dana Impak dengan melancarkan pelbagai program.

"Program dinyatakan ialah Future Malaysia Programme (FMP) bermatlamat untuk menyokong ekosistem



**KHAZANAH  
NASIONAL**

pemula tempatan dan Future Malaysia Skills (FMS) menumpukan kepada pembangunan aliran bakat yang mampan melalui pelaburan terhadap peningkatan kemahiran dan kemahiran semula tenaga kerja dalam negara," kata kenyataan tersebut pada Khamis.

Khazanah turut menyokong penuh pandangan Perdana Menteri untuk meningkatkan lagi perspektif serantau terhadap ekonomi Malaysia.

Tambahnya, tumpuan akan diteruskan dalam usaha mengukuhkan syarikat portfolio pelaburannya dan mengembangkan lagi kehadiran global sebagai pemain korporat yang aktif.

"Kami berusaha untuk menjana pertumbuhan yang mampan dalam syarikat-syarikat pelaburan untuk memastikan daya saing di peringkat global.

"Inisiatif utama untuk Khazanah adalah menerajui usaha pembinaan negara secara usaha sama dengan UEM Group melalui platform pelaburan hijau baharu, bagi memacu agenda penyahkarbonan Malaysia dan memupuk ekonomi yang lebih hijau," ujarnya.